

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 48

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kadar keberkesanan agenda yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat sehingga hari ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah ditubuhkan berperanan sebagai **Badan Utama Bagi Menangani Isu – Isu Dan Cabaran Berhubung Kenaikan Kos Sara Hidup** yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, **NACCOL** bertujuan untuk **memperkuhkan dan menyelaraskan pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan berkaitan isu sara hidup** dengan berkesan melalui **kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu. Terdapat pelbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah NACCOL antaranya:

- i) **Pelaksanaan Kad My100 Dan My50** bagi tambang pengangkutan awam untuk rakyat Malaysia sahaja. Inisiatif my100 ini boleh digunakan selama 30 hari tanpa had untuk penggunaan di semua servis tren dan bus **RapidKL** iaitu **LRT, MRT, BRT, Monorel, dan Bas Rapidkl**. Manakala **Pas MY50** pula adalah **Pas berharga RM50** untuk 30 hari penggunaan di perkhidmatan bas RAPIDKL sahaja, termasuk bas MRT tetapi tidak termasuk bas BRT. Sehingga April 2019, pelaksanaan **MY100** di bawah **Kementerian Pengangkutan** telah memberi manfaat kepada **357,250 orang pengguna** Rapid Rail. Manakala bagi kad **MY50**, ia telah memberi manfaat kepada **9,781 orang pengguna** Bas Rapid Transit (BRT) bagi tempoh yang sama. (Cadangan – cadangan ini telah dibentangkan di NACCOL pada **Mesyuarat Bil 1/2018 pada 25 September 2018** dan dibawa ke Jemaah Menteri bagi kelulusan);

- ii) Pelaksanaan **tambang diskaun Xtra20** bagi **Komuter KTM** telah mula dilaksanakan pada **1 April 2019** dan dijangka akan memberi manfaat kepada pengguna di bandar dan luar bandar. Melalui inisiatif ini, para pengguna kini boleh **menjimatkan sehingga RM176.00 sebulan** dengan **kadar tambang serendah RM0.80** dengan penggunaan kad kad diskaun tambang yang baharu ini; dan
- Diharapkan Sekretariat ini akan terus memainkan peranan dalam merangka inisiatif dan dasar baru khususnya untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat secara umumnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

SOALAN NO. 49

TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini projek Hospital Bachok di Bachok, Kelantan. Bilakah projek ini dijangka dapat disiapkan dan dibuka kepada penduduk.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pembinaan Hospital Bachok sedang giat dilaksanakan mengikut jadual. Kemajuan terkini sehingga 28 Mei 2019 adalah 56 peratus sebenar berbanding jadual 43 peratus iaitu mendahului jadual sebanyak 13 peratus. Projek ini dijangka dapat disiapkan sebagaimana jadual asal iaitu pada 9 Ogos 2020 dan dijangka dibuka kepada penduduk sebulan setelah projek diserahkan secara rasmi.

Sekian, terima kasih.